



**SHARIFF Abdul Kadir Omang (tengah) bersama AJK Induk di Bangunan Menara UMS-KAL Labuan, baru-baru ini.**

# UMS-KAL dapat Anugerah Pensijilan Amalan 5S MPC 2011

4M 02/11/2011 30

LABUAN 1 Nov. - Kejayaan meraih Anugerah Pensijilan Amalan 5S (Sisih, Sapu, Susun, Seragam, Sentiasa Amal) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) perlu dijadikan motivasi oleh warga kerja Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, untuk mendapatkan pengiktirafan itu bukanlah mudah, justeru semua pihak wajar

bekerjasama bagi memastikan pencapaian tersebut tidak sia-sia.

“Semua kakitangan UMS-KAL terutama Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan 5S telah menunjukkan komitmen yang tinggi sehingga membolehkan UMS-KAL layak menerima Sijil 5S daripada MPC.

“Saya berharap pencapaian ini terus dikekalkan dan ditingkatkan,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian Anugerah 5S yang disampaikan oleh Perunding MPC, Edward Binty di Bilik Mesyuarat

Eksekutif, Bangunan UMS-KAL baru-baru ini.

Hadir sama Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim, Timbalan Pendaftar Pentadbiran, Kamisah Husin dan Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa (AJK) Induk, Suffian Osman.

Shariff berkata, MPC memulakan Audit Persekitaran Berkualiti 5S MPC di bahagian dan sekolah universiti itu bermula pukul 9 pagi hingga 4.30 petang pada 26 Oktober lalu.